SOALAN NO. 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed (Pulai) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk bantuan yang diberikan kepada pusat jagaan swasta yang tidak mendapat bantuan JKM serta bilangannya di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil berat berhubung dengan perkhidmatan jagaan kepada kumpulan sasar seperti OKU, kanak-kanak dan warga emas. Melalui peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), semua pusat jagaan hendaklah berdaftar dengan JKM.

Pengoperasian pusat jagaan ada yang dikendalikan oleh pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan swasta. Bagi PSK yang berdaftar dan pengoperasiannya berorientasikan kebajikan, JKM ada menyediakan Geran (Bantuan Kewangan Kerajaan) bagi membantu menampung kos pengoperasian PSK manakala bagi pusat jagaan swasta yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang berorientasikan keuntungan tidak dipertimbangkan Geran.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM tetap menyediakan perkhidmatan sokongan bagi membantu PSK swasta seperti:

(i) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat berhubung penubuhan dan penyediaan perkhidmatan kumpulan sasar.

(ii) Menyediakan surat sokongan bagi PSK yang memohon pengecualian cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sumbangan yang diterima oleh PSK.

(iii) Menyediakan surat sokongan bagi PSK yang memohon permit Pegawai Dagang dari Jabatan Imigresen Malaysia.

Berdasarkan statistik, jumlah Pusat Jagaan Swasta yang telah berdaftar dengan JKM adalah sebanyak 907 buah. Pecahan jenis pusat jagaan yang berdaftar adalah 656 buah adalah pusat jagaan kanak-kanak, 57 buah adalah pusat jagaan OKU, 174 adalah pusat jagaan warga emas, 10 buah adalah pusat jagaan wanita dan 10 buah adalah pusat jagaan bagi lain-lain kategori.